

Nik Aziz diminta daftar SAR

UM - 27/6/2007

KOTA BHARU 26 Jun - Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat diminta supaya membenarkan sekolah-sekolah agama rakyat (SAR) dan sekolah agama negeri (SAN) didaftarkan kepada Kementerian Pelajaran demi masa depan ribuan pelajar aliran agama di negeri itu.

Datuk Hashim Safin (BN-Gual Ipoh) berharap Nik Abdul Aziz boleh membuat keputusan dan mempengaruhi pendirian pemimpin lain agar tidak terus berkeras atas alasan bimbang kemungkinan kehilangan pengaruh politik.

Beliau juga mempersoalkan mengapa kerajaan negeri sukar menerima langkah itu sedangkan ia membolehkan segala prasarana termasuk kemudahan pembelajaran dapat disediakan manakala aspek kebajikan guru-guru dapat pembelaan.

"Sebahagian besar prasarana akan di biayai oleh Kerajaan Pusat dan wang peruntukan sedia ada melalui kerajaan negeri dapat digunakan untuk keperluan lain di sekolah," katanya dalam perbincangan di sidang Dewan Undangan Negeri, di sini hari ini.

Sidang
Dewan
Undangan
Negeri



Kelantan

Laporan WAN ZULKIFLI
WAN YAACOB,
HERMAN HAMID
dan AZRAN FITRI

Bagaimanapun, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, sains dan Teknologi negeri, Nik Mohd. Amar Abdullah ketika menggulung perbincangan berkata, sekiranya kerajaan Pusat ingin membantu, ia boleh dilakukan tanpa perlu mengambil alih pengurusan sekolah.

Beliau percaya soal pendaftaran mempunyai agenda politik yang tersembunyi yang memaksa kerajaan negeri turut mengambil kira pendekatan dan pertimbangan yang sama.

"Jika pendaftaran sekadar satu formaliti untuk membolehkan bantuan disalurkan, bila-bila masa sahaja kerajaan negeri boleh mendaftarkannya asalkan ia kekal di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan," katanya.

Katanya, sekolah-sekolah itu yang sudah berdaftar dengan Majlis Agama Islam Kelantan dan mengikut kurikulum kerajaan pusat selain mata pelajaran agama, tidak sepatutnya dihalang daripada mendapat peruntukan.